

07/01/1997

Parti Gerakan anjur seminar etika politik

KUALA LUMPUR, Isnin - Parti Gerakan akan menganjurkan seminar etika politik Sabtu ini bagi membincangkan persoalan etika di kalangan ahli politik tempatan serta kaedah menangani permasalahan itu.

Naib Presidennya, Dr Goh Cheng Teik, berkata parti itu cuba mengupas persoalan etika politik dari aspek agama dan kepercayaan kuno untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa.

"Kami mengundang pakar berlainan agama iaitu Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan Confucious untuk memberi pendapat profesional mereka tanpa menyebelahi mana-mana pihak," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Turut hadir di sidang akhbar itu, Setiausaha Agung Gerakan, Tan Sri Chan Choong Tat.

Dr Goh berkata, langkah menganjurkan seminar itu sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut memperkatakan persoalan etika di kalangan ahli politik negara ini.

Persoalan etika ini bukanlah isu baru dan Gerakan mahu ia diatasi dengan merujuk kembali ajaran agama dan kepercayaan sesuatu bangsa," katanya.

Antara akan diundang ialah Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Profesor Syed Othman Alhabshi; Profesor Shaw Yu Ming dari Universiti Kebangsaan Chengchi, Taiwan dan Tan Sri Rama Iyer.

"Semua pakar itu akan memperkatakan soal etika mengikut agama masing-masing untuk dihayati dan diteladani," katanya yang menjangka lebih 800 peserta akan mengikuti seminar itu termasuk ahli politik.

Beliau mempelawa orang ramai menyertai seminar itu yang tidak mengenakan sebarang bayaran malah.

Dr Goh juga berkata, Gerakan menyusun pelbagai program yang akan dikendalikan oleh jawatankuasa tertentu bagi mendidik ahli parti dan orang ramai.

"Gerakan juga bercadang menganjurkan seminar antarabangsa mengenai kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia September depan dan berharap dapat mengundang Perdana Menteri menyampaikan amanat," katanya.

Seminar etika politik itu akan dianjurkan selama dua hari dan pada hari pertama ia akan dikendalikan dalam bahasa Inggeris.

Orang ramai yang berminat mengikuti seminar itu boleh menghubungi Goh Siew Choo atau Koh Swee Koon dengan menelefon 03-9876868 atau faks 03-9878866.

Seminar itu akan diadakan di Dewan Wawasan, Menara Parti Gerakan Malaysia (PGRM), Tingkat Empat, No 8, Jalan Pudu Hulu, Cheras. Ia akan dirasmikan oleh Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik pada jam 10 pagi.

(END)